

08/02/1999

Anwar beri keterangan bela diri hari ini

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mula memberi keterangan membela diri berhubung empat tuduhan pindaan rasuah di Mahkamah Tinggi di sini, esok.

Pada perbicaraan itu, Anwar akan menjawab sendiri mengapa beliau mengarahkan bekas Pengarah Cawangan Khas (SB), Datuk Mohd Said Awang dan bekas timbalan kedua SB, Datuk Amir Junus, mendapatkan surat penarikan balik daripada Umami Hafilda Ali dan Azizan Abu Bakar berhubung dakwaan salah laku seksual yang dikaitkan dengannya.

Bagaimanapun, dalam kes pembelaan itu, Anwar tidak boleh menyentuh berhubung tohmahan salah laku seksual dan liwat terhadapnya berikutan pada 13 Januari lalu, mahkamah membenarkan pendakwa meminda tuduhan asal dan memutuskan bahawa kebenaran atau kepalsuan tohmahan itu tiada kaitan dengan tuduhan yang baru dipinda.

Ini bermakna keterangan Umami Hafilda Ali dan Azizan Abu Bakar ke atas Anwar hanya tohmahan, tidak lebih daripada itu.

Pada 30 Januari lalu, Anwar, 51, memberitahu Hakim Datuk S Augustine Paul bahawa beliau akan memberi keterangan secara bersumpah di kandang saksi. Ini bermakna, keterangannya akan disoal balas oleh pendakwa dan peguam.

Sebelum itu, mahkamah memberinya tiga pilihan, iaitu berdiam diri, memberi kenyataan di kandang tertuduh tetapi kenyataan itu tidak boleh ditanya atau disoal oleh peguam, pendakwa dan mahkamah.

Menurut Paul, pilihan kedua itu mempunyai nilai lebih rendah daripada memberi keterangan secara bersumpah dari dalam kandang saksi.

Mahkamah juga sebelum ini diberitahu bahawa Anwar akan memanggil 23 saksi dalam kes pembelaannya.

Antara saksi yang akan dipanggil ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri Kewangan dan Menteri Tugas-Tugas Khas Tun Daim Zainuddin, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz serta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob.

(END)